

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN  
KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG  
[TANJONG MALIM]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 [ SELASA ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
menyatakan status pengubalan Akta Sewaan Kediaman.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian dan penggubalan Akta Sewaan Kediaman/ *Residential Tenancy Act* (RTA) telah bermula pada Jun 2019, selepas diluluskan menerusi Bajet 2019. Rang Undang-Undang (RUU) ini antara lain bertujuan untuk melindungi hak penyewa dan pemilik kediaman.

2. Buat masa kini, perjanjian penyewaan kediaman disediakan menggunakan tatacara Akta Kontrak 1950. Dokumen tersebut bersifat umum dan tidak melindungi sepenuhnya kepentingan serta hak penyewa dan tuan rumah. Cadangan penggubalan RUU RTA telah pun dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 2021.

3. Status terkini, KPKT sedang menyemak draf awal RUU RTA sebelum dihantar kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk kelulusan. Seterusnya, RUU Akta Sewaan Kediaman ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada sesi persidangan pertama tahun 2022.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah mengkaji undang-undang berkaitan dari Jerman, United Kingdom dan Australia serta *Rental Housing Act* dari Afrika Selatan. Rang Undang-Undang Akta Sewaan Kediaman yang dicadangkan ini adalah berdasarkan model *Residential Tenancies Act 2010* (New South Wales) Australia kerana akta ini mempunyai undang-undang pembangunan perumahan dan sewaan kediaman yang lengkap serta mampu melindungi kepentingan pemilik kediaman dan penyewa.

Sekian, terima kasih.